

17 MAR 2003

Sultan-Tioman

JANGAN JUAL TANAH DI PULAU TIOMAN, TITAH SULTAN PAHANG

PULAU TIOMAN, 17 Mac (Bernama) -- Sultan Pahang Sultan Ahmad Shah meminta penduduk di Pulau Tioman agar tidak menjual tanah milik mereka di pulau itu, sekalipun ditawarkan dengan harga yang tinggi oleh pihak-pihak tertentu.

Baginda berharap penduduk tidak tergesa-gesa menjual tanah sekalipun harga tanah di pulau itu dilihat semakin melambung tinggi berikutan pengisytiharannya sebagai pulau bebas cukai pada September tahun lalu.

Sebaliknya, baginda menyeru mereka supaya mengusahakan industri seperti kraftangan dan sebagainya selaras dengan langkah kerajaan untuk memajukan pulau itu sebagai destinasi pelancongan terkemuka di dunia, titah baginda kepada pemberita selepas merasmikan Jeti Kampung Pulau Juara di sini, semalam.

Selain itu, baginda berkata kerajaan telah merancang pelbagai projek pembangunan di pulau itu bagi merancakkan pembangunan industri pelancongannya, dan sekiranya penduduk menjual tanah mereka, ia akan merugikan generasi akan datang di pulau itu.

Katanya, antara projek yang akan dilaksanakan tahun ini ialah membina sebuah stesen pemancar gelombang bernilai RM1.3 juta di Kampung Mukut, Pulau Tioman dan peruntukan sejumlah RM15 juta bagi projek membina jalan raya menghubungkan Kampung Tekek ke Kampung Juara sebagai laluan alternatif semasa musim tengkujuh.

Baginda berkata kesemua projek yang dirancang itu adalah untuk kebaikan dan kepentingan penduduk setempat.

Pulau Tioman, dengan keluasan 13,360 hektar, terletak 36 batu nautika dari Tanjung Gemok, Rompin, diumumkan sebagai pulau bebas cukai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Januari tahun lepas.

-- BERNAMA

LIB MS ZB